


# conference proceeding



Centre for Knowledge & Understanding of Tropical Architecture & Interior (KUTAI)  
Centre for Islamic Thought & Understanding (CITU)  
Faculty of Architecture, Planning & Surveying (FSPU)  
Universiti Teknologi MARA (Perak)  
<http://perak.uitm.edu.my/simpor9>



# KAJIAN EMPIRIKAL SUMBER INSPIRASI LANSKAP MELAYU DALAM RUPA BENTUK KOSTUM TRADISIONAL, MOTIF DAN IKATAN KAIN

Zulkefle Hj Ayob<sup>a</sup>, Zainudin Md Nor<sup>b</sup>

<sup>a</sup>Fakulti Senibina, Perancangan dan Ukur, Universiti Teknologi MARA (Perak), Malaysia

<sup>b</sup>Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka, Universiti Teknologi MARA (Perak), Malaysia

<sup>a</sup>zulke191@perak.uitm.edu.my, <sup>b</sup>zainu570@perak.uitm.edu.my

## Abstrak

Seni dan rekacipta budaya benda tradisi masyarakat Melayu dahulu bergantung sepenuhnya kepada persekitaran alam yang banyak mempengaruhi pengalaman khayalan kepercayaan mereka. Alam adalah elemen utama seni lanskap Melayu dan ia merangkumi persekitaran udara, tanah serta air. Pengkaji terdahulu telah berupaya mengupas dan mentafsir banyak terma bersumberkan alam yang diguna pakai oleh tukang-tukang dalam pelbagai seni rupa. Oleh itu kajian ini akan membicarakan hubungan seni lanskap Melayu dalam rupa bentuk kostum, motif dan ikatan kain. Kajian ini di lakukan melalui kaedah eksplorasi komponen alam secara tampak (visual) dan signifikasinya dengan reka bentuk kostum, motif, ikatan kain, hiasan kepala, teknik jahitan, dan aksesori sebagai pelengkap pakaian Melayu. Data kajian dianalisa secara kualitatif dengan melihat, merakam, mentafsir, menginterpretasi dan akhirnya membuat kesimpulan. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa terdapat banyak sumber alam lanskap yang dijadikan ilham oleh tukang jahit dan pereka dahulu melalui kemunculan beberapa terma dan nama seperti Destar Ayam Patah Kepak, Tengkolok Lang Menyongsong Angin, Tanjak Helang Menyambar, Jahitan Tulang Belut, Insang Pari, Omak Memulih, Ombak Mengalun, Lawi Ayam, Tampuk Manggis, Sanggul Ekor Kera dan sebagainya.

**Kata kunci:** Seni lanskap melayu; Rekabentuk kostum dan motif; Seni ikatan kain.

## 1. Pengenalan

Masyarakat Melayu tradisional tinggal di kawasan pendalam yang dikelilingi oleh alam semula jadi seperti hutan, sungai, bukit bukau, lembah, langit dan laut. Alam sekitar adalah aspek penting dalam kehidupan mereka sebagai sumber makanan, bahan asas dan perubatan. Oleh kerana itu tukang kraf Melayu dahulu mengambil inspirasi dari alam sekeliling dalam proses penciptaan produk kraf dan budaya benda termasuk rekabentuk kostum, ragam hias motif dan gaya berpakaian. Tukang jahit dan tata hias dahulu telah berupaya mengupas dan mentafsir banyak terma bersumberkan lanskap alam dalam rupabentuk kostum Melayu tradisional seperti Kolar Cekak Musang, Tengkolok Balung Ayam, Destar Tebing Runtuh, Lang Menyunsur Angin, Destar Sarang Kerengge, Jahitan Tulang Belut, Insang Pari, Ombak Memulih, Awan Memutih, Serat Nenas, Sanggul Ekor Kera, motif unsur tumbuh-tumbuhan, motif unsur unggas dan sebagainya.

## 2. Objektif dan Kerangka Kajian

Objektif kajian ialah mengenal pasti hubung kait sumber inspirasi lanskap Melayu dalam motif, rupa dan tata gaya kostum tradisional. Kaedah kajian ialah secara membuat analisa tampak dalam aspek bentuk, isi dan subjek.



### 3. Definisi dan Konsep Lanskap

Konsep ‘lanskap budaya’ pertama sekali wujud dikalangan masyarakat Eropah melalui lukisan lukisan alam semulajadi (Pannell, 2006). Langsung dari kurun ke-16, kebanyakan pelukis pelukis Eropah yang pada asalnya hanya melukis potret potret manusia kini mula menggabungkan suasana alam semulajadi atau lanskap persekitaran di dalam lukisan mereka (Gibson, 1989). Laurie (1975), mendefinisikan lanskap sebagai perancangan dan rekabentuk tanah dan air untuk kegunaan awam. Menurut Garrett Eckbo (1950), pula memberi maksud lanskap sebahagian lanskap yang dibentuk oleh manusia dengan tujuan utamanya sebagai ruang untuk manusia hidup (tidak termasuk pertanian dan perhutanan).

Perkataan lanskap yang di'Melayu'kan dari bahasa Inggeris ‘landscape’, adalah dipinjam dari bahasa Belanda ‘landschap’ yang secara literalnya bermaksud (region) daerah atau (shaped land) permukaan tanah yang dibentuk oleh unsur semulajadi. Dari keunikan rupabentuk permukaan tanah yang terbentuk oleh kuasa alam semulajadi inilah yang menjadi inspirasi lukisan lanskap pelukis pelukis Eropah terutamanya dari Belanda, dan seterusnya merebak ke tanah Inggeris.

#### 3.1 Definisi kostum dan motif tradisional melayu

Menurut *En Etymological Dictionary of the English Language* (1974, 138) perkataan *costume* diambil dari bahasa Latin. Istilah kostum di tafsir dengan pelbagai versi antaranya ialah; *Longman Dictionary of Contemporary English* (1992) stated *costume* as the typical clothes of a certain period, country or profession. Kamus Baru Oxford Ensklopedia (1991) defines as a mode or fashion of personal attire and dress of a particular nation, class or period: a complete set of outer garments; jewellery, artificial or semi precious jewellery, worn as fashion accessory. Breward (1995) uses ‘adornment’, ‘clothing’, ‘fashion’, ‘dress’, ‘costume’, ‘style’ and ‘decoration as synonyms or near synonyms’. Carol Anne Dickson (1998) defines *Costume* as garments, hairstyles, and accessories. Siti Zainon (2004) menyebut kostum Melayu sebagai terma ‘persalinan’ yang bermaksud pakaian lengkap Melayu.

Oleh itu sebagai rumusan, kostum dalam kontek kajian ini ialah bukan sahaja pakaian tetapi juga termasuk benda atau bahan yang menutupi badan dari kepala hingga ke kaki termasuk aksesori, kain (bahan), dekorasi badan seperti hiasan kepala, tata gaya pakaian, ikatan kain dan sebagainya. Motif ialah ragam hias dan corak yang terdapat dalam tekstil Melayu. Mana kala falsafah seni tradisional Melayu ialah pegangan hidup dan kepercayaan orang-orang Melayu yang diwarisi turun temurun.

#### 3.2 Sejarah perkembangan lanskap melayu.

Perkembangan lanskap Melayu bermula dari awal zaman Kesultanan Melayu Melaka pada abad ke 14 dan 15. Berdasarkan catatan Munsyi Abdullah dalam bukunya yang bertajuk ‘The Travels of Abdullah’, yang menceritakan berkenaan taman larangan pada zaman Kesultanan Melayu Melaka. Beliau juga menggambarkan tentang keindahan taman bunga kesultanan Kelantan pada abad ke 16 yang digelar Tanah Serendah Sekebun Bunga. Selain itu, Munsyi Abdullah turut menceritakan berkenaan Taman Berburu kesultanan Melaka dan Jawa yang dikenali sebagai Taman Ghairat dan Taman Kraton (Ayob, 2009).

Catatan Hikayat Hang Tuah (Kasim Ahmad, 1975) juga ada menggambarkan 5 pahlawan Melayu yang terkenal bermain dengan alam semulajadi sambil melakukan aktiviti sastera (berpantun dan berseloka) di Taman Larangan Bentara Majapahit:

*'Maka Laksamana pun sudahlah mandi lalu naik memungut bunga pada tepi kolam itu, pelbagai bunga-bungaan seorang sekendong...sudah makan buah-buahan itu, maka ia duduk mengarang bunga sambil bersenda, bernyanyi, berpantun dan berseloka berbagai-bagai ragamnya..'*

Fenomena landskap alam semulajadi dan kedesaan melayu berterusan sehingga Tanah Melayu mula dijajah oleh kuasa besar Eropah. Penjajahan Tanah Melayu tidak terhenti sekitar peralihan kuasa pemerintahan sahaja bahkan berkembang biak sehingga penjajahan budaya dan cara hidup. Hasil dari proses penjajahan dan pemodenan Negara, landskap dunia melayu turut mengalami perubahan dari segi konsep, fizikal dan fungsi. Landskap dunia melayu dan Negara yang dahulunya hanya berkisar kepada alam semulajadi tulin kini dimodenkan hasil peninggalan penjajah Portugis, Belanda dan British di Tanah Melayu, Maka terbentuklah landskap moden yang memperkenalkan konsep rekreasi dan kawasan awam. Artifak landskap peninggalan penjajah yang masih wujud hingga kini seperti di Taman Botani, Pulau Pinang (1884);Taman Tasik Perdana, Kuala Lumpur (1910) dan Taman Tasik Taiping, Perak (1910), (Ayob, 2010).

### 3.3 Falsafah landskap melayu.

Di Tanah Melayu, perkembangan senibina landskap Melayu tidak sehebat berbanding landskap bangsa bangsa lain di nusantara seperti, Jepun, Cina dan Hindu Bali. Ini adalah disebabkan dari sejarahnya, kehidupan masyarakat melayu dahulu adalah merupakan pelaut yang bersifat berpindah randah (Ayob, 2009). Orang orang melayu yang berkampung di sesuatu kawasan pula kebiasaannya terletak di kawasan pedalaman, sepanjang sungai dan pantai; dan pinggir hutan. Pemilihan kawasan penempatan ini adalah disebabkan oleh faktor ekonomi dan keselamatan. Dari segi konsep landskap, pemahaman orang orang melayu terhadap maksud landskap tidak banyak berbeza dari masyarakat Eropah. Di Eropah senibina landskap merupakan media dalam mempamerkan status sosial dan ekonomi, manakala bagi masyarakat melayu landskap itu adalah sebahagian kehidupan mereka (A. Latif, 2004).

Seperti yang didefinisikan dalam Kamus Dewan Edisi Keempat, lanskap adalah, 1. Pemandangan alam sesuatu kawasan yang mengandungi unsur-unsur seperti bukit bukau, sungai, dan tumbuh-tumbuhan, terutamanya pemandangan pedesaan ; 2. Catan, lukisan, dan sebagainya yang menggambarkan pemandangan alam ; 3. Seni taman yang menggambarkan pemandangan alam.

Disebabkan persekitaran kediaman orang orang melayu dahulu letaknya di dalam lingkungan alam semulajadi, maka kebergantungan, penghayatan dan pengamatan mereka terhadap alam semulajadi sangat tinggi. Alam sekitar dianggap sumber kelangsungan kehidupan mereka, tempat mereka mencari rezeki dan tempat mereka bersemadi. Alam sekitar membentarkan mereka berimajinasi dalam mengilhamkan sesuatu, memberi kreativiti, motif dan penemuan. Hasil dari garapan daya kreatif ini menghasilkan ukiran, seni kraf, anyaman, tenunan, ukiran dan binaan (Mohd Hussain et. al., 2009).

## 4. Alam Melayu

Olahan lanskap dalam masyarakat Melayu menggunakan unsur-unsur alam semulajadi sepenuhnya kerana kebergantungan dan penghargaan orang Melayu terhadap alam sekeliling. Landskap Melayu adalah garapan daripada unsur unsur alam semulajadi, alam fikir dan kepercayaan, adat dan mistik serta cara hidup. Hasil dari garapan keseluruhan unsur-unsur tersebut menjadikan landskap Melayu itu sangat kaya dengan simbolisma (budaya, kepercayaan, metafizikal) dan fungsi. Dua unsur ini mempunyai perkaitan rapat antara satu dengan yang lain. Element utama alam semulajadi yang berkait rapat dengan orang melayu adalah Tanah (Daratan) – kebiasaanya menggambarkan asal usul, kesetiaan dan sumber rezeki, Angin (Udara) – digunakan dalam menggambarkan suasana, situasi dan perasaan, Air (Sungai dan Lautan) – sering digunakan untuk mempamerkan kesucian, perasaan, kelangsungan hidup dan persaudaraan; serta Hidupan (Flora dan Fauna) – amat kerap digunakan dalam menceritakan soal kehidupan, sifat dan hubungan kemasyarakatan..

Pengamatan orang Melayu pada persekitaran kediaman mereka adalah sangat mendalam. Ini dapat kita lihat dari pantun dan peribahasa melayu yang sentiasa menggambarkan landskap persekitaran mereka di dalam alam

semulajadi. Antaranya peribahasa yang menggambarkan hubungan sesama manusia dan hubungan manusia dengan alam berdasarkan pengamatan landskap persekitaran mereka adalah;

- a) Tanah (Daratan)
  - “Bagai aur dangan tebing”
  - “bukit sama didaki, lurah sama dituruni”
- b) Angin (Udara)
  - “Berapa tinggi terbang bangau, akhirnya hinggap di belakang kerbau juga”
  - “Di mana bumi dipijak, di situ langit dijunjung”
  - “Angin sepoi sepoi bahasa”
- c) Air (Sungai dan Lautan)
  - “Kalau takut dilambung ombak, jangan berumah di tepi pantai”
  - “Bulat air kerana pembetung, bulat manusia kerana muafakat”
- d) Hidupan (Flora dan Fauna)
  - “Itik pulang petang”
  - “Bagai enggang dengan pipit, manakan dapat terbang bersama”
  - “Seikat bagai sirih, serumpun bagai serai”
  - “Kalau tak dipecahkan ruyong, manakan dapat sagunya”

Menurut Syed Ahamd Jamal (1995) Pantun adalah salah satu teras seni estetika Melayu. Pantun mengandungi jiwa, seni, kebijaksanaan, dan bahasa Melayu. Bahagian pembayang merupakan bahan dari alam sekitar seperti pohon, bunga, haiwan, laut, dan sungai, misalnya:

Kalau tidak kerana bulan  
 Takkan bintang terbit pagi  
 Kalau tidak kerana tuan  
 Takkan kami tiba di sini.

Dalam seni rupa Melayu, gambaran alam yang luas tidak dinyatakan secara langsung, sebaliknya secara kiasan, seperti pada songket . Orang Melayu mengamati alam dengan tanggapan keadaan keduaan – seperti langit dengan bumi, dunia dengan akhirat, ikan di laut asam di darat, dan seperti pinang di belah dua. Garapan tanggapan keadaan keduaan dan simbolisma budaya melayu menggambarkan adat sopan dan sifat malu masyarakat. Ini dipamerkan melalui konsep kecantikan wanita dalam budaya Melayu dinyatakan dalam gambaran paras rupa anggota badan dengan kiasan alam seperti berikut:

Jadual 1. Tanggapan keadaan keduaan, gambaran paras rupa anggota badan dan kiasan alam.

| ANGGOTA BADAN | KIASAN & PERUMPAMAAN                        | KATEGORI ALAM                              |
|---------------|---|--|
| Rambut        | ikal mayang seludang                        | Tumbuh-tumbuhan (pokok)                    |
| dahi          | sehari bulan                                | Langit (Angin & Udara)                     |
| Kening        | awan ditulis,<br>lentik seperti bentuk taji | Langit (Angin & Udara)<br>Hidupan (Fauna)  |
| Hidung        | kuntuk melur belum kembang                  | Hidupan (Flora & bunga)                    |
| Mata          | telepok kayu                                | Tumbuh-tumbuhan (pokok)                    |
| Bibir         | delima merekah, pati dicarik                | Tumbuh-tumbuhan (buah)                     |
| Gigi          | bunga seri gading                           | Hidupan (Flora & bunga)                    |
| Pipi          | pauh dilayang                               | Tumbuh-tumbuhan (buah)                     |
| Lidah         | kembang seroja                              | Hidupan (Flora & bunga)                    |
| Dagu          | lebah bergantung                            | Hidupan (Fauna)                            |
| Jari          | tombak serai,<br>duri landak                | Tumbuh-tumbuhan (pokok)<br>Hidupan (Fauna) |
| Dada          | bidang, lengkung pelangi                    | Alam<br>Tumbuh-tumbuhan (buah)             |

|          |                               |                         |
|----------|-------------------------------|-------------------------|
| Pinggang | ramping seperti tangkai bunga | Hidupan (Flora & bunga) |
| Paha     | paha belalang                 | Hidupan (Fauna)         |
| Betis    | batang, bunting padi          | Tumbuh-tumbuhan (pokok) |
| Tumit    | telur burung                  | Hidupan (Fauna)         |

## 5. Analisa Kajian Lanskap Melayu Dengan Kostum Tradisional Melayu

Kertas kerja ini melibatkan pengkalan data sumber alam dan perkaitannya dengan kostum tradisional Melayu. Analisa berikut di buat berlandaskan kajian tampak motif dan rupabentuk kostum yang di senaraikan dalam jadual lampiran1. Empat komponen utama kajian telah di kenal pasti iaitu:

- a) Kajian Sumber Inspirasi Warna
- b) Kajian Ragam Hias Motif
- c) Kajian Rupabentuk dan Gaya Kostum
- d) Kajian Hiasan Kepala Wanita dan Lelaki

### 5.1 Kajian sumber inspirasi warna

Sumber inspirasi warna dari flora dan fauna alam semulajadi banyak terdapat dalam kostum dan tradisional Melayu. Kajian ini mendapati lima daripada sepuluh sumber warna alam adalah diambil daripada buah-buahan tempatan iaitu warna buah pulasan (*Nephelium mutabile*), biji buah ramunia/kundang (*Bouea macrophylla*), buah jambu (*Syzygium malaccense*), buah pinang masak (*Areca catechu*) dan buah manggis (*Garcinia mangostana*). Manakala lima yang lain merujuk kepada warna tumbuh-tumbuhan iaitu kunyit (*Cucuruma domestica*), bunga cempaka (*Magnolia champaca*), bunga merah mawar (*Rosa sp.*), pucuk pisang (*Musa sp.*) dan buah kesumba (*Bixa orellana*). Warna-warna alam ini dijadikan sumber inspirasi dan juga sebagai bahan pewarna untuk menghasilkan warna tanah atau badan kain sarung atau sebagai kain membuat baju kostum tradisional Melayu. Buah-buahan dan bunga-bungan yang disenaraikan ini menjadi sumber makanan dan perubatan secara kaedah tradisional.

Daripada kajian ini didapati beberapa rupabentuk kostum telah di kenalpasti menggunakan inspirasi warna alam seperti Baju Kurung Wanita (koleksi peribadi Shafie Ahmad, Kumpulan Gemilang Sari, Johor), Baju Kebaya Perak (koleksi peribadi Haji Ariffin, Kuala Pari, Perak), Baju Riau Pahang (koleksi Salikin Sidek, K.L), Baju Sejari (Koleksi Muzium Sultan Abu Bakar, Pekan, Pahang), Kostum Putera Perak dan pasangannya Puteri Zarith Gangga (koleksi Kumpulan Selendang Perak, pejabat S.U.K Negeri Perak), Baju Kurung Bersulam Biku (Koleksi Muzium Kesenian Islam, K.L) dan Baju Kebaya (koleksi Muzium Kedah).

### 5.2 Kajian Ragam Hias Motif

Ragam hias motif Melayu dipercayai mendapat pengaruh daripada zaman Dongson di China. Ini berdasarkan penemuan Gendang Gangsa di Klang pada tahun 1951 yang memaparkan motif burung, bintang, bulatan dan barisan garis-garis halus yang di susun secara konsekntrik. Sumber inspirasi alam sekeliling ini menjadi bahan rujukan oleh tukang-tukang Melayu dahulu seperti air memulih, awan berarak, lawi ayam, pucuk rebung, unggas, rama-rama, bunga-bungaan, tampuk manggis dan sebagainya. Penggunaan motif-motif ini ada kaitan dengan budaya setempat dan alam persekitaran tempat tinggal masyarakat Melayu.

Penduduk yang berhampiran pantai mengambil inspirasi laut maka timbul motif air memulih dan apabila mereka mendongak ke langit kelihatan awan bergerak maka lahir motif awan berarak. Begitu juga dengan masyarakat yang tinggal di kawasan pendalam terdedah kepada unsur flora dan fauna seperti unggas, rama-rama, ayam, tumbuh-tumbuhan menjalar, bunga-bungaan dan sebagainya. Semuanya ini menjadi ilham kepada pereka corak Melayu dalam proses rekacipta. Lanjutan daripada itu wujud corak lawi ayam (keindahan ekor ayam paling panjang terjuntai bergulung), tampuk manggis (bentuk corak yang timbul di bahagian bawah buah manggis), pucuk rebung (sebagai sumber sayur-sayuran), motif bunga raya, motif bunga kenanga dan lain-lain lagi.

Motif-motif ini di letak secara berulang-ulang pada bahagian tepi dan tengah kepala kain sarung, motif di susun secara bertburu pada tanah atau badan kain. Terdapat juga corak yang mengabungkan dua unsur alam seperti motif pucuk rebung dengan lawi ayam dan air memulih dengan bunga jermin terutama untuk kain songket benang emas.

Selain dari itu ada juga gabungan 3 unsur alam yang memberi gambaran keindahan alam Melayu seperti kain batik sarung yang bermotif unggas, rama-rama dan sejambak bunga yang di letakkan sehalia ke atas (akar di bawah dan pucuk ke atas). Ia menjadi panduan kepada si pemakai bahawa untuk memakai sarung atau membuat baju pastikan mengikut aturan yang betul seperti mana sifat alam. Di negeri Terengganu penilaian anak dara samaada telah bersedia untuk berkahwin ialah melalui perhatian cara mereka memakai kaian sarung, jika terbalik bermakna ia masih mentah dan belum bersedia lagi.

### 5.3 Kajian Rupabentuk dan Gaya Kostum

Rupabentuk dan gaya kostum ini di nilai daripada amalan masyarakat Melayu dahulu dalam etika berpakaian. Kajian ini menyenaraikan empat hubungkait elemen alam dengan gaya dan pembuatan kostum tradisional Melayu. Ianya ialah ikatan kain baju kurung wanita yang selalu di panggil ombak mengalun iaitu inspirasi air ombak besar yang memukul pantai, kedua ialah nama Kolar Cekak Musang yang berinspirasi tangan musang yang sedang memegang (cekkak) makanan. Ketiga dan keempat berkaitan dengan teknik kemasan jahitan iaitu pada keliling leher baju kurung yang dikenali jahitan tulang belut dan kemasan tepi kain atau insang pari. Berdasarkan pada kedua-dua nama ini ikan pari dan belut adalah gambaran alam hidupan yang terdapat di dalam air. Melalui analisa tampak dalam lampiran 1, (muka surat 7) jelas menunjukkan ada ciri-ciri persamaan rupa jahitan dengan tulang belut dan insang seekor ikan pari (pandangan bawah).

Persoalan bagaimana nama itu muncul? Walaupun tiada bukti kukuh nama itu di ambil dari hidupan dan sumber laut tersebut tetapi antara andaianya ialah berkaitan dengan tamadun awal masyarakat Melayu sejak zaman pra-sejarah, selain mencari makanan di daratan (hasil pokok dan tumbuh-tumbuhan) mereka juga turun ke sungai atau lautan mencari sumber rezeki. Selalunya orang lelaki atau suami akan menyerahkan hasil tangkapan kepada golongan wanita atau isteri untuk di masak. Daripada tugasan tersebut golongan wanita Melayu amat kreatif menggunakan daya pengamatan mereka untuk mengaitkannya dengan aktiviti menjahit. Mana kala musang dalam kontek kajian ini ialah yang memakan buah-buahan. Ia haiwan yang jinak cuma sering datang ke kawasan rumah atau dusun mencari buah-buahan waktu malam. Cara ianya memegang buah-buahan ialah mencengkam dengan kedua-dua belah tangan (lihat lampiran 1, muka surat 7). Kolar baju kurung cekak musang hampir sama dengan kolar mandarin (asal dari China) cuma yang berbeza bentuk bahagian hujung tempat butang yang bersegi berbanding cembung bagi kolar mandarin.

### 5.4 Kajian Hiasan Kepala Wanita dan Lelaki

Data mengenai kajian hiasan kepala wanita dan lelaki dalam kostum tradisional Melayu amat menarik untuk di perbincangkan kerana jumlahnya lebih banyak berbanding ketiga-tiga komponen di atas. Hiasan kepala wanita terdiri dari gaya ikatan rambut dan hiasan barang kemas seperti cucuk sanggul, subang, kerongsang dan gelang. Manakala lelaki ialah destar atau tengkolok. Penampilan gaya rambut wanita adalah sebahagian daripada pelengkap kostum tradisional Melayu terutama untuk majlis rasmi di istana. Kesedaran menutup kepala atau aurah wanita terutama bahagian kepala secara menyeluruh tidak di beri perhatian walaupun setelah kedatangan agama Islam di Tanah Melayu pada abad ke 15. Walaubagaimanapun wanita masih menutup aurat di kepala dengan kain kelubung atau selendang di kepala terutama ketika berada di dalam situasi tertentu. Zaman penjajahan telah mengurangkan lagi kesedaran tersebut sehingga pada akhir 1970-an dan awal 80an muncul fesyen mini telekung yang lebih luas meliputi semua lapisan masyarakat. Oleh itu secara tidak langsung ia telah mengurangkan populariti ikatan sanggul.

Ikatan sanggul rambut dalam kajian ini lebih kepada gaya pakaian harian. Gaya kemban iaitu kostum awal Melayu di padangkan dengan rambut mayang mengurai terutama ketika wanita terutama anak dara ke sungai atau telaga mandi-manda. Rambut sengaja di biarkan panjang menutupi paras bahu hingga ke dada untuk mengelakkan di perhatikan oleh teruna. Kiasan mayang mengurai adalah nama mayang pokok enau atau kabung yang terjuntai lebat jatuh dari tangkai (lihat lampiran , muka surat 8). Ilham sanggul rambut juga di perolehi daripada bentuk siput dan ekor kera (lihat lampiran 1, muka surat 9). Gaya siput tinggi iaitu kedudukan ikatan sanggul atas kepala di buat sebagai gaya pelengkap pakaian rasmi golongan wanita berumur selalunya telah berkahwin untuk majlis rasmi. Sanggul ini di hiasi dengan barang kemas yang di panggil cucuk sanggul, bunga ketar, mahkota, sunting malai dan sebagainya. Manakala untuk hadir ke majlis separa rasmi sanggul di hiasi dengan bunga wangian Melayu asli seperti sempaka, kenanga, melor atau tanjung. Sanggul siput rendah dan juga sanggul ekor kera lebih sesuai untuk gaya rambut sehari-hari di rumah.

Koleksi kerongsang di Muzium Tekstil Negara dan gelang kai di Muzium Kesenian Islam ada memperlihatkan rekaan berinspirasikan alam lautan, udara dan daratan. Lampiran 1 muka surat 10 ada menunjukkan kerongsang yang menggabungkan bulan, bintang, ikan dan rantaian bunga pipeh serta set 3 kerongsang lain yang bermotif bunga sulur. Terdapat sepasang gelang kaki perak yang berinspirasikan jantung pisang, dipercayai buatan tukang bangsa Cina yang di pakai sekitar tahun 1920-an. Mana kala di muka surat 11, bunga tanjung telah menjadi sumber inspirasi sepasang subang emas dan 3 set cucuk sanggul mengandungi 2/3 kuntum bunga setiap cucuk. Bunga tanjung adalah salah satu bunga utama masyarakat Melayu, ia wangi dan menjadi salah satu pelengkap dulang bunga hantaran atau juga dikenali sebagai bunga pahar dalam majlis perkahwinan.

Kesemua hiasan kepala untuk lelaki adalah destar atau tengkolok yang di beri nama mengikut inspirasi alam di udara dan daratan (tanah). Antaranya ialah destar Lang Menyongsong Angin iaitu bentuk destar yang menggambarkan seekor burung helang terbang melawan arus angin. Destar ini dipakai oleh D.Y.A.M Raja Di Hilir Perak dan Sultan Pahang tetapi bentuk yang sedikit berbeza. Manakala di Destar Helang Menyambar terdapat di Negeri Sembilan dan ia dipakai oleh Datuk-datuk Lembaga Adat Luak Rembau. Apabila di perhatikan rupa bentuk destar dan gambaran helang ini memang ada sedikit persamaan terutama bahagian sayap atau kepak. Begitu juga dengan persamaan bentuk kepak dan balung ayam yang di pakai oleh tengkolok Sultan Perak sekarang dan dahulu. Tengkolok Ayam Patah Kepak khas untuk destar D.Y.M.M Sultan Perak Darul Ridzuan sekarang manakala Tengkolok Balung Ayam di sekitar tahun 1950-an. Ayam menjadi haiwan inspirasi pilihan tukang buat destar negeri Perak kemungkinan aktiviti menyambung ayam popular ketika masa dahulu.

Destar yang mengambil inspirasi tumbuh-tumbuhan ialah Longan Daun kopi, di pakai oleh D.Y.M.M Sultan Pahang dan Destar Sarang Kerengga oleh Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan Almarhum Tuanku Muhamad (1898-1933). Bentuk 2 helai daun kopi di jadikan sumber inspirasi lipatan destar 2 helai kain meninggi di bahagian depan. Destar Sarang Kerengga di gambarkan bentuk sarang kerengga yang menonjol keluar terletak di bahagian kanan si pemakai (lihat lampiran 1, muka surat 13). Dua destar lain juga berkaitan dengan alam daratan ialah Destar Tebing Runtuh yang di pakai oleh anak raja dulu di negeri Johor dan Tanjak Belalai Gajah oleh D.Y.M.M Sultan Terengganu. Kedua-dua destar ini di lipat dan dibuat mengikut gambaran seakan-akan rupabentuk alam itu sendiri seperti tebing tanah yang runtuh dan seekor gajah yang sedang melambung (mengangkat keatas) belalainya.

## KESIMPULAN

Kajian ini jelas membuktikan bahawa daya pengamatan dan kreativiti tukang dahulu bersumberkan alam lanskap amat jelas dan signifikan dalam reka cipta budaya benda Melayu khususnya dalam rupa bentuk kostum dan motif tradisional. Perkaitan ini adalah lanjutan daripada kontek kehidupan mereka yang di kelilingi oleh alam tanah (daratan), angin (udara) dan air (lautan) sejak dari zaman pra-sejarah sehingga sekarang. Konsep dan falsafah budaya hidup masyarakat Melayu yang berbudi kepada alam, berbakti kepada tanah dan bersyukur kepada pencipta Allah s.w.t dipancarkan melalui hasilan kerjatangan yang di warisi zaman berzaman. Pemilihan nama dan istilah yang tertentu dalam rupabentuk kostum dan tekstil melambangkan jati diri tradisi, sungguh unik, indah, berseni dan penuh kiasan. Ia seharusnya menjadi garis panduan dalam proses penciptaan produk kontemporari yang lebih beridentiti untuk masa hadapan.

## RUJUKAN

- Abdul Latif, F. A. (2004) *Pengekalan dan Pemuliharaan Lanskap Budaya: Identiti Kampung Pulau Duyong, Kuala Terengganu*. Masters thesis, Universiti Putra Malaysia.
- Ahmad, K. (1975). *Hikayat hang Tuah*. Kuala Lumpur; dewan Bahasa dan Pustaka, hlm 172-3.
- Ayob, Z. (2009) LAR363 History of Landscape Architecture Lecture module, Department of Landscape Architecture, aculty of Arcitecture, Planning and Surveying, Universiti Teknologi MARA Perak.
- Ayob, Z. (2010) *The Legibility of Urban Square in Shaping City Image of Historical Cities in Peninsular Malaysia, Master Thesis*, Universiti Teknologi MARA.

**The 9<sup>th</sup> Regional Symposium of The Malay Archipelago 2012 (SIMPOSIUM NUSANTARA 9 2012)**  
11-12 December 2012, Perak, MALAYSIA

Gibson, W.S (1989). *Mirror of the Earth: The World Landscape in Sixteenth-Century Flemish Painting*. Princeton University Press, Princeton, New Jersey

Mohd Hussain , N.H., Ahmad , S. (2009) Rekabentuk perlandskapan rumah orang melayu kontemporari di desa wawasan,*Technical Report. Institute of Research, Development and Commercialization*. Universiti Teknologi MARA.

Pannell, S (2006). *Reconciling Nature and Culture in a Global Context: Lessons form the World Heritage List*. James Cook University. Cairns, Australia. Page 62

The Message & The Monsoon Islamic Art of Southeast Asia published by islamic Arts Museum Malaysia, 2005.  
<http://images.search.yahoo.com/images/view>